


Perkembangan Kewangan Islam di United Kingdom

Perkembangan industri kewangan Islam global berkembang pesat meskipun keadaan ekonomi dunia terumbang ambing. Kepesatan ini bukan hanya disaksikan di Negara-negara umat Islam, bahkan di Negara yang majority rakyatnya bukan beragama Islam termasuklah di United Kingdom. Negara ini telah menjadi pemain utama bagi perkembangan industri kewangan Islam di Eropah dan menurut ‘United Kingdom Trade & Investment’ (UKTI), nilai aset patuh Syariah di United Kingdom telah meningkat sebanyak 150 % sejak tahun 2006 hingga 2013. Ini menjadikan UK sebagai negara terulung bagi industri kewangan Islam di Eropah apabila mencatatkan aset kewangan Islam sebanyak 19 billion Dolar Amerika. Pada tahun yang sama, Perdana Menterinya David Cameron telah mengumumkan visinya untuk menjadikan Kota London sebagai pusat Kewangan Islam di benua Eropah dalam ucapannya ketika berlangsung Forum Ekonomi Islam Antarabangsa (WIEF) ke 9.

Walaupun autoriti kewangan UK, Financial Services Authority (FSA), yang kini dibahagikan kepada 2 badan autoriti iaitu *Financial Conduct Authority* dan *Prudential Regulation Authority* (PRA), menyatakan bahawa transaksi kewangan Islam bermula secara rasminya pada awal tahun 2002, namun kita menyaksikan bahawa UK secara langsung telah terlibat dengan industri kewangan Islam sejak 1980-an lagi. Ini kerena sejak 30 tahun lepas, London Metal Exchange (LME) dan broker komoditinya telah menawarkan khidmat jual beli komoditi bagi memudahkan perlaksanaan kontrak Tawarruq yang dilaksanakan oleh pusat-pusat kewangan Islam terutamanya di kalangan Negara-negara Teluk.

Hingga kini kira-kira ada 6 buah Bank beroperasi penuh secara patuh Syariah bersama dengan cawangan-cawangannya telah beroperasi di UK. Bank-bank ini adalah *Bank of London and Middle East* (BLME), *European Islamic Investment Bank* (EIIB), *Gatehouse Bank*, *Islamic Bank of Britain* (IBB), *Qatar Islamic Bank-UK* (QIB-UK) dan *Abu Dhabi Islamic Bank-UK* (ADIB-UK). Ini tidak termasuk bank-bank yang telah menawarkan kaunter khas bagi produk-produk kewangan Islam. Pada tahun 2013 juga, sebuah suruhanjaya khas telah ditubuhkan oleh kerajaan UK bagi memperkuuh dan menggunakan instrument kewangan Islam demi menggalakkan pelaburan negara dan memacu kekuatan ekonomi. Demi memacu perkembangan kewangan Islam, UK telah memansuhkan beberapa jenis cukai yang boleh mengakibatkan produk kewangan Islam kurang kompetitif dari saingannya. Langkah-langkah strategik ini adalah sangat penting bagi memastikan institusi kewangan Islam dapat bersaing dengan institusi kewangan konvensional sedia ada di atas padang yang rata (*level playing field*).



(Gambar: UKTI: UK Excellence in Islamic Finance)

Kemajuan industry kewangan Islam bukan hanya disaksikan dalam sector perbankan sahaja bahkan juga sektor pasaran modal Islam (Islamic capital market). Pada tahun 2010, satu sukuk boleh ubah (convertible) yang bertempoh 4 tahun telah diterbitkan di UK bagi membiayai sebuah projek penghasilan tenaga bersih yang dilanggan penuh oleh Millenium Private Equity, sebuah syarikat kerjasama Kerajaan Dubai. Terbaru, pada tahun 2014, UK telah menjadi negara Eropah yang pertama menerbitkan Sukuk Berdaulat (*Sovereign Sukuk*) yang menggunakan kontrak *Ijarah* bernilai 200 Juta Pound Sterling. Sukuk Ijarah ini melibatkan tiga aset hartanah kerajaan UK sebagai aset sewaan (leased assets) dan struktur ini menepati kehendak piawaian Syariah antarabangsa.

Pada hemat penulis, kepesatan industri kewangan Islam khususnya di UK adalah kerana wujudnya permintaan sebenar (real demand) daripada pasaran. Permintaan ini sudah tentulah kerana ciri-ciri kompetitif kewangan Islam yang memberikan manfaat yang besar kepada peserta-peserta pasaran. Saya teringat kenyataan Pope Benedict ke-16 dari Vatican pada sekitar tahun 2009 yang mengkritik sistem kewangan konvensional dan ketamakan para pemodal yang merosakkan kestabilan ekonomi dunia. Bahkan akhbar rasmi Vatican ‘L’Osservatore Romano’ mengusulkan agar prinsip-prinsip kewangan Islam perlu diaplikasikan di dalam sistem kewangan antarabangsa bagi memulihkan kegawatan yang sedang melanda. Moga momentum perkembangan industri kewangan Islam di UK akan terus maju dan memberikan perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada negara dan masyarakat di Eropah.